

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA

SISTEM PENTADBIRAN KESULTANAN MELAYU MELAKA (KMM)



Contoh Soalan

1. Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka (KMM) mempunyai Sistem Pentadbiran yang Unggul ?
2. Keunggulan Sistem Pentadbiran KMM menjadikan KMM sebuah kerajaan yang masyhur. Buktikan
3. Jelaskan sistem pentadbiran dalam KMM.

Sistem Pentadbiran KMM

1. Tersusun dan berhierarki
2. Dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan
3. Mempunya dua peringkat iaitu pentadbiran pusat dan jajahan
4. Peringkat pusat dilaksanakan oleh pembesar berempat iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
5. Bendahara berperanan sbg Ketua Pentadbir dan Penasihat Sultan
6. Penghulu Bendahari berperanan mengurus perbendaharaan kerajaan
7. Temenggung berperanan menjaga keamanan di darat (Kota Melaka)
8. Laksamana berperanan menjaga selat Melaka.
9. Peringkat Jajahan, pembesar berperanan menguruskan pentadbiran di kampung
10. Perannya sebagai mengutip cukai

Contoh Jawapan Penuh

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem Pentadbiran yang unggul ialah sistem pentadbirannya tersusun dan berhierarki. Seterusnya dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan. Seterusnya, pentadbiran KMM ada dua peringkat iaitu peringkat pusat dan jajahan.

Seterusnya, peringkat pusat dilaksanakan oleh pembesar berempat iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. 5. Bendahara berperanan sbg Ketua Pentadbir dan Penasihat Sultan. 6. Penghulu Bendahari berperanan mengurus perbendaharaan kerajaan. 7. Temenggung berperanan menjaga keamanan di darat (Kota Melaka). 8. Laksamana berperanan menjaga selat Melaka.

UNDANG-UNDANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

HUKUM KANUN MELAKA (Kandungannya ialah Jenayah, Peranan Sultan dan Pembesar, Kekeluargaan dan Ekonomi)	
Jenayah	Keluargaan
<ul style="list-style-type: none"> -Hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah -Contoh perbuatan jenayah seperti mencuri, menikam dan membunuh -Hukuman bunuh dikenakan kepada yang membunuh orang lain dan ingkar arahan sultan 	<ul style="list-style-type: none"> -Bertujuan mewujudkan keharmonian dalam kekeluargaan. -Contohnya dalam hal perkahwinan -Pernikahan/ perkahwinan memerlukan 4 orang saksi atau 2 orang saksi. -Hamda abdi dan wanita tidak boleh jadi saksi
Peranan Sultan dan Pembesar	Ekonomi
<ul style="list-style-type: none"> -Setiap pembesar mempunyai peranan dalam pentadbiran. -Dijelaskan tugas Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. -Sultan berperanan melantik pembesar 	<ul style="list-style-type: none"> -Peraturan yang jelas dalam perniagaan -Tujuaan untuk mengawal perdagangan di Melaka -Amalan riba diharamkan -Perlu melafazkan niat jual beli
UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA (Kandungannya ialah Peranan Nakhoda, Jenayah, Pelayaran dan Percukaian)	
Peranan Nakhoda	Pelayaran
<ul style="list-style-type: none"> -Nakhoda berperanan penuh dalam pelayaran -Nakhoda diibaratkan raja dalam pelayaran -Semua pihak mesti patuh arahan nakhoda. -Diberi keutamaan 4 hari utk berniaga -Jika nakhoda hendak singgah di tempat yang tiada dalam senarai perlu bermesyuarat dengan semua orang dalam kapal 	<ul style="list-style-type: none"> -Peranan Pegawai lain selain nakhoda -Contohnya, jurumudi, malim dan jurubatu. -Mereka berperanan memastikan pelayaran selamat dan lancar. -Malim – perlu arif dalam pelayaran <ul style="list-style-type: none"> - Mengetahui keadaan ombak dan Ombak serta kedudukan bulan dan Bintang. -Jika Malim lalai menyebabkan pelanggaran boleh dikenakan hukuman bunuh
Jenayah	Percukaian
<ul style="list-style-type: none"> -Perbuatan jenayah di atas kapal akan menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal. -Perbuatan jenayah seperti membunuh, mencuri dan menikam diatas kapal akan dikenakan hukuman bunuh 	<ul style="list-style-type: none"> -Pelbagai jenis cukai dikenakan dalam urusan perdagangan -nakhoda menentukan cukai kepada penumpang -Jumlah cukai 1/10 daripada hasil penumpang.
PERANAN RAJA / SULTAN	PERANAN RAKYAT
<ul style="list-style-type: none"> -Menjaga keselamatan rakyat -Mewujudkan perpaduan rakyat -Bertanggungjawab mewujudkan kestabilan kerajaan -Memperkenalkan undang-undang 	<ul style="list-style-type: none"> -Menunjukkan taat setia kepada pemerintah -Mematuhi undang-undang kerajaan -Menjadi tentera untuk pertahankan kerajaan -Menghadiri majlis umum seperti gotong royong -Membina istana dan jalan raya
PERANAN PEMBESAR	
<ul style="list-style-type: none"> -Menjaga keamanan di Kawasan pegangan serta mengutip cukai melalui sistem serah 	

CIKGU WAN ARIF

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

MAKSUD NASIONALISME
<ul style="list-style-type: none">-Perasaan cinta yang mendalam kepada bangsa dan negara-Sanggup berjuang untuk menentang penjajah-Sanggup berjuang untuk membela bangsa dan negara-Gerakan pembebasan politik, ekonomi dan social daripada penguasaan asing
NASIONALISME DI BARAT
<p>Revolusi Keagungan (England) Sebab/Faktor/Punca : Menegakkan kedaulatan Parlimen Peristiwa : Raja James II membelakangkan Parlimen, ahli parlimen bangkit menentang Kesan : Raja berkuasa mutlak kepada Raja Berpelembagaan</p> <p>Revolusi Amerika Sebab/ Faktor/Punca : Penjajahan British dan pengenalan cukai Peristiwa : Menubuhkan kongres untuk menuntut kemerdekaan Kesan : Amerika mendapat kemerdekaan. Nama baru Amerika Syarikat</p> <p>Revolusi Perancis Sebab / Faktor /Punca : Raja yang memerintah secara autokratik Peristiwa : Rakyat membebaskan tahanan politik Kesan : Keruntuhan pemerintah beraja digantikan dengan pemerintahan Republik</p>
NASIONALISME DI ASIA TENGGARA (FILIPINA & THAILAND)
<p>Nasionalisme di Filipina</p> <ul style="list-style-type: none">-Tokoh Nasionalisme di Filipina ialah Jose Rizal, Bonifacio dan Aguinaldo- Filipina di jajah oleh Sepanyol dan Amerika Syarikat <p>Perkembangan Nasionalisme di Filipina</p> <ul style="list-style-type: none">-Bermula dengan Jose Rizal-Jose Rizal telah menubuhkan Liga Filipina-Tujuannya untuk mendesak Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan social di Filipina- Perjuangan gagal <ul style="list-style-type: none">-Seterusnya diteruskan oleh Bonifacio-Bonifacio menubuhkan Katipunan untuk menuntut kemerdekaan-Seterusnya menerbitkan akhbar Kalayan untuk sebarkan idea nasionalisme-Perjuangan gagal <ul style="list-style-type: none">-Seterusnya, diteruskan oleh Aguinaldo-Aguinaldo berkerjasama dengan Amerika Syarikat untuk usir Sepanyol-Sepanyol Berjaya diusir-Amerika Syarikat tidak mengiktiraf kemerdekaan Filipina-Amerika Syarikat sebaliknya menjajah Filipina <p>Contoh Soalan</p> <ol style="list-style-type: none">1.Jelaskan perkembangan nasionalisme di Filipina.2.Bagaimanakah Gerakan nasionalisme berlaku di Filipina ?

Nasionalisme di Thailand

Tokoh Nasionalisme di Thailand : Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn

Thailand tidak dijajah oleh mana-mana kuasa asing

Tujuan / faktor / sebab nasionalisme di Thailand : untuk mempertahankan kedaulatan negara

Sebab / Faktor Thailand dapat mengekalkan kedaulatan negara

- Kebijaksanaan Raja Thailand iaitu Raja Mongkut (RM) dan Raja Chulalongkorn (RC)
- Raja Thailand (RT) melakukan pemodenan dalam pentadbiran
- RT membina hubungan baik dengan kuasa barat seperti British, Amerika Syarikat dan Perancis
- RT melaksanakan sistem birokrasi barat
- RT membawa masuk penasihat daripada Barat seramai 80 orang seperti penasihat kewangan
- RT membawa masuk guru daripada barat utk laksanakan Pendidikan Barat
- RT bersahabat baik dengan Barat
- Bekerjasama dengan Jepun dalam Perang Dunia Kedua

Nasionalisme dalam Kalangan Rakyat Thailand

- Tidak puas hati pemerintahan raja berkuasa mutlak
- Pemerintahan Raja Berpelembagaan diperkenalkan
- Raja mempunyai kedudukan tertinggi
- Perdana Menteri menjalankan urusan pentadbiran
- Tidak puas hati terhadap penguasaan orang Cina dalam bidang ekonomi
- Undang-undang telah dibuat untuk menyekat penguasaan orang Cina dalam ekonomi

Contoh Soalan

1. Mengapakah Thailand dapat mengekalkan kedaulatan negaranya.
2. Kebijaksanaan Raja Thailand dapat mengekalkan kedaulatan negaranya. Buktikan.

Contoh Jawapan (soalan 1 dan 2)

Thailand dapat mengekalkan kedaulatan negaranya disebabkan kebijaksanaan Raja Thailand. Raja Thailand (RT) melakukan pemodenan dalam pentadbiran. Seterusnya, RT membina hubungan baik dengan kuasa barat seperti British, Amerika Syarikat dan Perancis. Seterusnya, RT melaksanakan sistem birokrasi barat

Seterusnya, Thailand dapat mengekalkan kedaulatan negaranya kerana RT membawa masuk penasihat daripada Barat seramai 80 orang seperti penasihat kewangan. RT membawa masuk guru daripada barat utk laksanakan Pendidikan Barat. Seterusnya, RT bersahabat baik dengan Barat.

FAKTOR KEMUNCULAN GERAKAN NASIONALISME

FAKTA	HURAIAN
Peranan Agama	-Pelajar terpengaruh dengan Gerakan Islah di Mesir -Gerakan Islah menyeru supaya orang islam kembali kepada ajaran islam yang sebenar.
Penulisan Kreatif	-Novel, Cerpen dan Puisi dijadikan alat untuk mengungkap keperitan hidup rakyat. Contohnya Novel Melur Kuala Lumpur
Media Cetak	-Akhbar dan majalah berperanan untuk menyebarkan maklumat dan berita. -Contohnya, akhbar Jawi Peranakan, Fajar Sarawak
Pengaruh luar dan Serantau	-Pengaruh Gerakan Islah di Mesir yg mengesa umat islam buat perubahan. -Kejayaan Jepun mengalahkan Rusia memberi semangat kpd penduduk tempatan

PERKEMBANGAN NASIONALISME	
Perjuangan Golongan Intelektual	Intelektual Berpendidikan Agama
	-Peranan Tokoh yang digelar sebagai Kaum Muda -Agama Islam dijadikan sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat -Penubuhan madrasah turut menyebarkan fahaman Islah
	Intelektual Berpendidikan Inggeris
	-Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ditubuhkan untuk melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris -Melatih anak bangsa diserap dalam pentadbiran British
Perjuangan Melalui Penulisan	Intelektual Berpendidikan Melayu
	-Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) melahirkan semangat kesedaran bangsa -SITC menekankan subjek Sejarah untuk bangkitkan kesedaran -Zaba Berjaya menghasilkan buku yang berkualiti
	Akhbar dan Majalah
	-Membangkitkan isu hak dan masa depan bangsa -Contoh akhbar seperti Fajar Sarawak
Perjuangan Melalui Persatuan (Trial MRSM)	Karya Kreatif (Trial MRSM)
	-Kemunculan novel Berjaya menaikkan semangat nasionalisme -Contohnya, Novel Mari Kita Berjuang memperjuangkan kemerdekaan -Cerpen diterbitkan bertemakan perjuangan semangat cinta akan tanah air -Contohnya, cerpen Cerita Awang Putat
	Kesatuan Melayu Singapura (KMS)
	-Ditubuh oleh Mohammad Eunus Abdullah -Bertujuan menggalakkan ahlinya bergerak aktif dalam pentadbiran. -Bertujuan memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik. -Mementingkan pengajian tinggi -Kejayaannya menyebabkan penubuhan di negeri lain seperti Persatuan melayu Pahang
	Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM)
	-Menggalakkan ahlinya Bersatu dan bertukar pendapat -Bermula di Pulau Pinang -Berkembang giat dan mengadakan perhimpunan diseluruh Tanah Melayu
Kesatuan Melayu Muda (KMM)	
-Ditubuhkan hasil gagasan Ibrahim Haji Yaakob -Berjuang melalui akhbar Majlis -Berhasrat menentang British -KMM dianggap radikal kerana berani menyuarakan penentangan	

KESAN PERKEMBANGAN NASIONALISME	
Politik	<ul style="list-style-type: none"> -Meningkatkan peluang pekerjaan dalam pentadbiran British -Jumlah orang melayu dalam pentadbiran meningkat daripada 7 orang kepada 20 orang -Kuasa Sultan dapat dikembalikan -Kesedaran kepentingan mewujudkan persatuan untuk membincangkan soal politik -British berhati-hati dalam membuat tindakan dan sekatan
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> -Berjaya membangkitkan semangat berniaga dalam kalangan orang Melayu -Taraf hidup penduduk meningkat melalui penekanan pendidikan -Membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara -Kepentingan Pendidikan dalam meningkatkan taraf hidup
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> -Mewujudkan kesedaran untuk mendapatkan Pendidikan - Lepasan SITc meningkat -Kemunculan lebih ramai guru wanita. -Mengangkat martabat wanita melalui Pendidikan oleh Ibu Zain

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 3 : KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

Perang Dunia Pertama (PD 1)
Negara Terlibat : Kuasa Tengah (Austria-Hungary, Jerman) : Pakatan Bertiga (Rusia, Perancis, Itali, Serbia, Amerika Syarikat)
Mengapakah / Faktor / Punca / Sebab berlaku PD 1 Persaingan Kuasa Imperialis -Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan dan bahan mentah -Hal ini kerana negara Eropah mengalami Revolusi Industri -Contohnya, persaingan antara Perancis dan Jerman Pakatan Ketenteraan -Hal ini demikian kerana berlaku permusuhan antara negara Eropah . -Contohnya, kewujudan Pakatan Kuasa Tengan dan Pakatan Bertiga. -Kesannya, politik di Eropah tidak stabil Krisis Rantau Balkan -Melibatkan Austria-Hungary dan Serbia. -Kemuncak Krisis apabila pemuda Serbia membunuh Putera Mahkota Austria-Hungary
Peristiwa PD1 1.Krisis Austria-Hungary dengan Serbia 2.Jerman memberi sokongan kepada Austria-Hungary untuk serang Serbia 3.Rusia memberi bantuan pertahanan kepada Serbia 4.Jerman isytiharkan perang kepada Rusia 5.Jerman isytihar perang kepada Perancis kerana sokong Rusia 6.Jerman menceroboh Belgium untuk serang Perancis 7.Britain sertai Rusia dan Perancis utk serang Jerman 8.Empayar Uthmaniyah sertai Pakatan Kuasa Tengah 9.Itali sertai Pakatan Bertiga 10.Amerika Syarikat sertai perang dengan memihak Pakatan Bertiga
Berakhir Perang Dunia Pertama Persidangan Damai Paris -Diadakan di Paris -Tujuan- membincangkan syarat perdamaian selepas perang -Melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson Perjanjian Versailles -Ditandatangani antara Jerman dan negara Pakatan Bertiga -Syarat perjanjian, Jerman dikehendaki : -Membayar pampasan perang kepada negara Pakatan Bertiga -Hadkan saiz ketenteraan -Menyerahkan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga -Bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang

Kesan Perang Dunia Pertama

Keruntuhan Sistem Pemerintahan Beraja

- Keruntuhan Sistem pemerintahan beraja di Jerman dan Rusia
- Kesannya, penubuhan Sistem Republik di Jerman

Kemunculan Negara Bahara

- Keruntuhan empayar Austria-Hungary
- Kesannya, melahirkan negara Austria dan Hungary

Persidangan Damai Paris

- Tujuan- membincangkan syarat perdamaian selepas perang
- Melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson

Perjanjian Versailles ditandatangani

- Ditandatangani antara Jerman dan negara Pakatan Bertiga
- Syarat perjanjian, Jerman dikehendaki :
 - Membayar pampasan perang kepada negara Pakatan Bertiga
 - Hadkan saiz ketenteraan
 - Menyerahkan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga
 - Bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang

Kesan Ekonomi

- Berlaku kemerosotan perdagangan luar

Kesan Sosial

- Kehilangan nyawa
- Kemusnahan harta benda

Penubuhan Liga Bangsa-bangsa

Contoh Jawapan Penuh

Faktor Berlaku PD1

Faktor berlakunya Perang Dunia Pertama ialah Persaingan Kuasa Imperialis. Negara Eropah bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan dan bahan mentah. Hal ini kerana negara Eropah mengalami Revolusi Industri. Contohnya, persaingan antara Perancis dan Jerman.

Peristiwa PD1

Peristiwa Perang Dunia Pertama bermula antara Austria Hungary dan Serbia. Seterusnya, Jerman memberi sokongan kepada Austria-Hungary untuk serang Serbia. Seterusnya, Rusia memberi bantuan pertahanan kepada Serbia.

Kesan Perang Dunia Pertama

Kesan Perang Dunia Pertama ialah Keruntuhan Sistem Pemerintahan Beraja. Keruntuhan Sistem pemerintahan beraja di Jerman dan Rusia. Kesannya, penubuhan Sistem Republik di Jerman.

Disediakan Oleh Cikgu Wan Arif

Perang Dunia Kedua (PD 2)
<p>Negara Yang Terlibat dalam PD2 Kuasa Paksi – Jerman, Itali, Jepun Kuasa Bersekutu – Britain, Amerika Syarikat, Perancis, Rusia</p>
<p>Mengapakah / Faktor / Punca / Sebab PD2</p> <p>Kemunculan Ideologi Baharu - untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi - Contoh ideologi seperti Fasisme di Itali dan Nazisme di Jerman</p> <p>Ketidakpuasan hati terhadap perjanjian Versailles -Perjanjian yang berat sebelah dan tidak adil -Jerman terpaksa membayar pampasan perang -Itali tidak mendapat tanah jajahan</p> <p>Kegagalan Liga Bangsa-bangsa -Ditubuhkan untuk mewujudkan keamanan dunia - Namun gagal menangani konflik yang berlaku</p>
<p>Peristiwa Perang Dunia Kedua</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat -Guna serang kilat untuk menakluk Eropah Barat -Berjaya menakluk Norway dan Belanda 2. Pengeboman Britain -Lancarkan serangan udara dan laut -Menyerang pelabuhan dan kawasan perindustrian. -Tujuan untuk lumpuhkan ekonomi Britain 3. Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah -Itali lancarkan perang terhadap Perancis 4. Serangan Jerman keatas Rusia -Melancarkan serangan secara besar-besaran -Empayar terbesar di Eropah -Sasarkan bandar utama seperti Moscow.
<p>Bagaimanakah / Langkah / Cara / Usaha untuk selesaikan Perang /Konflik dunia daripada berulang</p> <p>Mewujudkan politik negara yang stabil -Sistem Pentadbiran menjadi teratur -Pemerintahan menjadi kukuh -Negara disanjung tinggi -Menyelesaikan masalah secara rundingan -Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara luar -Mengamalkan dasar berkecuali -Bersikap terbuka dalam menerima pendapat orang lain -Kempen kesedaran tentang keamanan dunia -Memupuk sikap bekerjasama dan saling tolong menolong antara negara -Mengadakan perdagangan dua hala -Menghentikan perlumbaan mencipta senjata moden</p>

PERANG DUNIA KEDUA DI ASIA PASIFIK	PERANG DUNIA KEDUA DI NEGARA KITA
<p>Faktor / Dasar Perluasan Kuasa Jepun</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Keperluan Perindustrian <ul style="list-style-type: none"> -Mendapatkan bahan mentah seperti pertroleum -Memenuhi keperluan perindustrian 2.Pengaruh Golongan Tentera <ul style="list-style-type: none"> -Jepun Angkatan tentera moden di Asia -Tentera berpendapat penguasaan wilayah yang kaya dengan bahan mentah dapat selesaikan masalah ekonomi 3.Orde Baharu Asia <ul style="list-style-type: none"> -Matlamat mewujudkan kebebasan ekonomi untuk menentang penjajahan Barat. 4. Sekatan Ekonomi terhadap Jepun <ul style="list-style-type: none"> -Hal demikian kerana Jepun telah menguasai kawasan strategic di Laut China Selatan -Sekatan ekonomi untuk menghalang Jepun mendapatkan bahan mentah. 	<p>Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Mendapatkan sumber bahan mentah <ul style="list-style-type: none"> -Perlukan bahan mentah seperti bijih timah dan getah -Tujuan untuk memenuhi keperluan perindustrian di Jepun 2.Kepentingan strategik ketenteraan <ul style="list-style-type: none"> -Untuk membina pangkalan tentera laut -Tujuan untuk menguasai telaga Minyak di Sumatera.
<p>Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour, Hawaii (Pangkalan Tentera Laut Amerika Syarikat) 2.Tujuan untuk melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat yang menghalang kemaraan Jepun 3.Serangan dilakukan keatas wilayah jajahan barat seperti Filipina dan Hong Kong 4.Amerika Syarikat isytiharkan perang terhadap Jepun 5.Penguasaan laut, darat dan udara , Jepun Berjaya membentuk empayar yang luasdi Asia Pasifik. 	<p>Peristiwa Serangan Jepun di Negara Kita</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Tentera jepun memasuki Tanah Melayu melalui Thailand 2.Tentera Jepun yang mendarat di Thailand memasuki Kedah 3.Berpecah kepada dua pasukan untuk mara ke selatan 4.Satu pasukan ke Pulau Pinang melalaui pesisir pantai barat untuk mara ke selatan 5.Satu pasukan lagi mengikut jalan darat menuju bandar utama di negeri-negeri pantai barat 6.Tentera Jepun mendarat di Kota Bharu mara ke selatan mengikut jalan darat di negeri pantai Timur 7.Kapal Repulse dan Prince of Wales digerakkan untuk sekat kemaraan Jepun tetapi ditenggelamkan oleh Jepun

DASAR PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA	
Dasar Pentadbiran	<p>Pentadbiran Tentera Jepun</p> <ul style="list-style-type: none"> -Memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu -Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan kerana perbezaan politik -Sabah, Sarawak dan Brunei digabungkan sebagai satu unit pentadbiran <p>Dasar Terhadap Raja-raja Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> -Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu -Sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu -Raja-raja Melayu diberi pencen <p>Dasar Terhadap Kepimpinan Tempatan</p> <ul style="list-style-type: none"> -Memberi peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan -Pemimpin berpendidikan diberika jawatan yang tinggi -Tentera Jepun melatih penduduk tempatan
Dasar Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> -Disebabkan kemelesetan ekonomi , pentadbiran tentera Jepun melaksanakan sistem ekonomi kawalan -Mata wang Jepun dicetak (Wang Pokok Pisang)
Dasar Sosial	<p>Pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> -Jepun menutup sekolah Inggeris dan Cina -Bangunan sekolah tersebut digunakan untuk pentadbiran Jepun -Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan -Menanamkan kesetiaan Jepun melalui Pendidikan -Pendidikan menekankan semangat Jepun menghormati kebudayaan Jepun -Pengajaran bahasa Jepun dijalankan secara meluas -Sekolah bermula dengan perhimpunan mengadap negara Jepun -Menyanyikan lagu kebangsaan Jepun <p>Sikap Jepun Terhadap Agama</p> <ul style="list-style-type: none"> -Tentera Jepun menghormati agama Islam dan adat Melayu -Jepun tidak campurtangan -Kelas pengajian al-Quran diteruskan <p>Catuan dan Penghasilan Makanan</p> <ul style="list-style-type: none"> -Mengawal bekalan barangan akibat kekurangan makanan -Catuan dikenakan terhadap barang asas seperti beras -Menggalak penduduk menanam makanan sendiri -Menghasilkan tempe daripada biji getah <p>Layanan terhadap Penduduk</p> <ul style="list-style-type: none"> -Layanan berbeza mengikut kaum -Orang Melayu yang bekerjasama dengan Jepun diberi layan yang baik -Tujuan untuk mendapat sokongan dan melicinkan pentadbiran -Orang India diberi layanan yang baik -Tujuannya untuk mendapat kerjasama orang India untuk menguasai negara India -Orang Cina diberi layanan yang kejam -Sebab lanjutan permusuhan Perang China-Jepun -Orang Melayu, India dan Cina dipaksa menjadi buruh paksa -Tujuan membina landasan kereta api

CIKGU WAN ARIF

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA

British Military Administration (BMA)
<p>TUGAS / PERANAN BMA</p> <ol style="list-style-type: none">1.Mengembalikan kestabilan dan keamanan dengan membubarkan MPAJA serta arahkan semua senjata dikembalikan.2.Memulihkan kepercayaan rakyat dengan menyelesaikan masalah rakyat seperti wabak penyakit dan memberi bekalan makanan
GAGASAN MALAYAN UNION / KESATUAN MALAYA
<p>TUJUAN MU DIPERKENALKAN</p> <ol style="list-style-type: none">1.Menggantikan BMA untuk melicinkan sistem pentadbiran2.Meningkatkan pelaburan ekonomi3.Mengukuhkan sistem pertahanan4.Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja <p>CIRI-CIRI MALAYAN UNION</p> <ol style="list-style-type: none">1.Mewujudkan satu unit pentadbiran dengan gabungkan NNMB, NNMTB dan NNS kecuali Singapura.2.Sultan hanya membincangkan soal agama Islam dan adat Istiadat Melayu3.Mengamalkan Prinsip Jus Soli iaitu kewarganegaraan sama rata.4.Malayan Union diketuai oleh Gabenor British. <p>Mengapakah orang Melayu membantah Malayan Union ? (Jawapan rujuk ciri MU)</p> <p>BENTUK PENENTANGAN / REAKSI TERHADAP PEMBENTUKAN MU</p> <p>RAJA-RAJA MELAYU</p> <ol style="list-style-type: none">1.Raja-raja Melayu membawa ke MU ke Mahkamah Tinggi England2.Raja-raja Melayu meyokong kongres Melayu3.Raja-raja Melayu menghantar surat bantahan ke London4.Raja-raja Melayu memulau upacara pelantikan Gabenor MU <p>RAKYAT</p> <ol style="list-style-type: none">1.Bantahan melalui akhbar Melayu dengan menyeru supaya orang Melayu menolak MU2.Penubuhan Persatuan Melayu untuk mengadakan rapat umum.3.Mengadakan kongres Melayu dengan menubuhkan UMNo untuk menentang MU4.Bantahan oleh rakyat di bandar utama seperti Kota Bharu dan Johor.

PENYERAHAN SABAH

FAKTOR PENYERAHAN SABAH

1. Memenuhi kepentingan British untuk mendapatkan bahan mentah dan pasaran.
2. Masalah kewangan kerana kos yang tinggi untuk membangunkan semula Sabah.
3. Meneruskan Dasar British dalam hubungan luar untuk pertahanan Sabah.

REAKSI / FAKTOR / SEBAB RAKYAT SABAH TIDAK MENENTANG

1. Menindas kegiatan berpersatuan dengan memindahkan ahli aktif ke bandar lain.
2. Mengehadkan peluang dalam Pendidikan menyebabkan penduduk kurang pengalaman dalam pentadbiran
3. Meningkatkan taraf hidup peribumi kerana pembangunan infrastruktur seperti sekolah
4. Tidak memahami tujuan penyerahan

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 5 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 (PTM 1948)
<p>Faktor Penubuhan PTM 1948 (Trial Kelantan)</p> <p>Penentangan Orang Melayu Terhadap Malayan Union (MU) -Hal ini kerana MU memberi kesan buruk kepada orang Melayu</p> <p>Cadangan Raja-raja Melayu -Mencadangkan penubuhan Persekutuan Bertaraf naungan -Raja berkuasa dalam perundangan</p> <p>Sokongan Pentadbir British -Hal ini demikian kerana dapat mewujudkan kestabilan ekonomi</p>
<p>Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948 (Trial Pahang)</p> <p>Pentadbiran</p> <ol style="list-style-type: none">1.Persekutuan Dibentuk dengan gabungan 9 buah negeri + 2 buah negeri selat2.Singapura kekal sebagai tanah jajahan yang berasingan3.Kerajaan Persekutuan Diketuai oleh Pesuruhjaya tinggi British4.Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal Kewangan <p>Kewarganegaraan</p> <ol style="list-style-type: none">1.Jus Soli terbuka kepada Rakyat Raja dan Rakyat British2.Kewarganegara boleh diperoleh secara kuatkuasa undang-undang dan pendaftaran <p>Kuasa Raja-raja Melayu</p> <ul style="list-style-type: none">-Sebuah Majlis Raja-raja dibentuk-Tujuan untuk Raja-raja Melayu memberi pandangan dalam perkara tertentu-Pada peringkat negeri, Sultan bertanggungjawab dalam mengesahkan Rang Undang2 negeri <p>Perundangan</p> <ul style="list-style-type: none">-Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi-Rang Undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu
<p>Kesan / Kepentingan Penubuhan PTM 1948 (Trial Kelantan)</p> <ul style="list-style-type: none">-Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu-Majlis Raja-raja diwujudkan dengan keanggotaan 9 orang Raja-raja Melayu-Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain-Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal-Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara-Mewujudkan kerjasama kaum untuk memupuk perpaduan-Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

ANCAMAN KOMUNIS
CARA KEMASUKAN KOMUNIS KE NEGARA KITA <ol style="list-style-type: none">1.Kemasukan pengaruh daripada China oleh KMT2.Kemasukan pengaruh dari Indonesia oleh PKI3.Penubuhan Parti Komunis Malaya yang aktif melalui akhbar dan sekolah Cina
TINDAKAN / BENTUK ANCAMAN KOMUNIS DI NEGARA KITA <ol style="list-style-type: none">1.Melumpuhkan ekonomi dengan memusnahkan ladan getah dan lombong bijih timah.2.Merosakan infrastruktur dengan memusnahkan jalan raya dan jalan kereta api.3.Mengancam keselamatan rakyat dengan memusnahkan harta benda penduduk.4.Mengancam pasukan keselamatan dengan menyerang balai polis .
LANGKAH / USAHA / CARA MENANGANI ANCAMAN KOMUNIS <ol style="list-style-type: none">1.Kuatkuasa undang-undang darurat dengan mengharamkan PKM2.Mewujudkan kad pengenalan untuk membezakan orang awam dengan komunis3.Memberi tawaran pengampunan dengan mengedarkan poster pengampunan4.Mengadakan Perang Saraf dengan memberi wang tunai jika memberi maklumat komunis5.Mengadakan perintah berkurung supaya memudahkan operasi memburu komunis

ZAMAN DARURAT
KESAN ZAMAN DARURAT TERHADAP NEGARA KITA POLITIK <ol style="list-style-type: none">1.Peningkatan jumlah warganegara dengan menerima orang Cina dan India sebagai warganegara2.Penubuhan MCA untuk memenangi hati penduduk Cina3.Mempercepatkan kemerdekaan negara kita. ASPEK SOSIOEKONOMI <ol style="list-style-type: none">1.Meningkatkan kos perbelanjaan untuk mewujudkan penempatan baru2.Menyebabkan penderitaan kerana penduduk dikenakan catuan bekalan makanan3.Harga barang makanan melambung tinggi4.Kawasan lombong dan lading getah diserang komunis5.Merenggangkan hubungan kaum kerana kampung baru didiami oleh kaum tertentu6.Banyak nyawa terkorban dan kemusnahan harta benda

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

JAWATANKUASA HUBUNGAN ANTARA KAUM (CLC) (Trial MRSM/SBP/MELAKA)
Objektif Pembentukan CLC <ul style="list-style-type: none">-Mengkaji hubungan kaum secara mendalam-Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya adil untuk semua kaum-Mewujudkan keadaan harmoni dalam kalangan penduduk
Keanggotaan CLC <ul style="list-style-type: none">-M. MacDonald (Penasihat)-Dato Onn Jaafar (wakil Melayu)-Zainal Abidin Haji Abbas (wakil Melayu)-Tan Cheng Lock (wakil Cina)-L.R.Doraisamy (wakil India)
Isu yang perlu diselesaikan oleh CLC <ul style="list-style-type: none">-Isu politik-persediaan kearah berkerajaan sendiri-Kedudukan istimewa Orang Melayu-Orang Melayu penduduk asal rantau Alam Melayu-Kedudukan ekonomi orang Melayu-Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti bukan Melayu seperti sector perniagaan-Kewarganegaraan bukan Melayu-Isu Pendidikan-Sistem persekolahan yang berbeza mengikut kaum
Peranan CLC dalam membentuk persefahaman antara kaum/ pemimpin/rakyat <ul style="list-style-type: none">-Mencadangkan peralihan kearah berkerajaan sendiri-Mencadangkan pengalaman pilihan raya sendiri diberika secara berperingkat-Bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai keduduka istimewa-Mencadangkan agensi untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu seperti RIDA-Bersetuju kewarganegaraan kepada bukan Melayu-Mencadangkan sistem Pendidikan yang seragam-Mewujudkan kerjasama antara kaum
Kesan Penubuhan CLC <ul style="list-style-type: none">-Pilihan raya diadakan secara berperingkat seperti majlis bandaran dan majlis negeri-Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf-Penubuhan RIDA untu membantu ekonomi luar bandar-Syarat kewarganegaraan dilonggarkan kepada bukan Melayu-Penubuhan jawatankuasa untuk mengkaji sistem Pendidikan yang seragam

Sistem Ahli (Trial Kelantan)

Latarbelakang Sistem Ahli

- Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu
- Anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberi tanggungjawab terhadap jabatan
- Mengadakan Pilihan Raya MPP pada Julai 1955
- Tiga portfolio kekal dibawah Pentadbiran British
- Hal Ehwal Ekonomi/ Perindustrian / perumahan dan kerja raya

Anggota dalam Sistem Ahli

Ahli	Jawatan
Dato Onn Jaafar	Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri
E.E.C Thuraisingham	Ahli Pelajaran
Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan

Ciri-ciri Sistem Ahli

- Ahli bertaraf Menteri/ bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan
- Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja
- Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang berkaitan jabatan
- Ahli diletakkan dibawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi
- Sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir

Maanfaat / Kepentingan Sistem Ahli

- Asas penting untuk melatih orang tempatan
- Proses kearah berkerajaan sendiri
- Memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir
- Dapat menerajui pentadbiran sendiri
- Proses memupuk perpaduan kaum
- Memperoleh kemerdekaan negara

*Rujuk jadual KBAT politik, ekonomi dan sosial

Contoh Jawapan Penuh

Soalan : Jelaskan ciri sistem Ahli

Ciri sistem ahli ialah ahli bertaraf Menteri/ bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan. Seterusnya, ciri sistem ahli ialah ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja.

Contoh Jawapan Penuh

Soalan : Sistem Ahli banyak memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Berikan penjelasan anda. (Trial Kelantan)

Sistem Ahli banyak memberi manfaat kepada penduduk tempatan ialah sas penting untuk melatih orang tempatan. Seterusnya ialah proses kearah berkerajaan sendiri.

CIKGU WAN ARIF

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 8 : PILIHAN RAYA

PILIHAN RAYA MAJLIS PERUNDANGAN PERSEKUTUAN 1955	
Proses Pilihan Raya 1955 <ol style="list-style-type: none">1.Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan -Berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya2.Rang Undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan3.Pendaftaran Pengundi4.Penamaan Calon5.Kempen Pilihan Raya6.Mengundi7.Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi8.Proses pengiraan undi dilakukan9.Pengumuman keputusan pilihan raya	
Syarat untuk menjadi pengundi -Warganegara Persekutuan Tanah Melayu -Berumur 21 tahun keatas	Syarat untuk menjadi calon -Warganegara Persekutuan Tanah Melayu -Berumur 21 tahun keatas -Berpengetahuan dalam BI dan BM

PENUBUHAN MAJLIS PERUNDANGAN PERSEKUTUAN (MPP 1955)
Keanggotaan MPP 1955 -52 orang ahli dipilih melalui pilihan raya -35 orang ahli mewakili kumpulan berkepentingan seperti perindustrian -11 orang Menteri Besar mewakili negeri -2 orang wakil Negeri-negeri Selat seperti Pulau Pinang dan Melaka -Jumlah anggota 100 orang
Kesan Penubuhan MPP -Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri -Mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British -Proses pertukaran dan pembaharuan mengambil masa atau secara berperingkat -Kuasa pegawai British kini beransur dipindahkan kepada rakyat tempatan -Sistem Ahli dimansuhkan -Menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk -Ahli MPP dipilih oleh rakyat

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

USAHA RUNDINGAN KEMERDEKAAN	
Pihak yang terlibat dalam rundingan kemerdekaan	
Wakil Raja-Raja Melayu	Wakil Parti Perikatan
-Dato Panglima Bukit Gantang	-Tunku Abdul Rahman
-Encik Abdul Aziz Abdul Majid	-H.S.Lee
Kronologi Rundingan Kemerdekaan di London	
1.Tunku Abdul Rahman berangkat dari Kuala Lumpur ke Singapura menaiki kapal terbang 2.Rombongan Kemerdekaan menaiki kapal laut M.V. Asia berlepas dari Singapura 3.Rombongan singgah di Karachi dan menaiki kapal terbang ke London 4.Rombongan tiba di London.	
Perkara yang dirunding dan disepakati di London	
British	Perwakilan Tanah Melayu
Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) harus membayar ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan	Menuntut agar Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam kalangan rakyat PTM
Pihak British dan Komenwel akan memberi bantuan seperti pertahanan kepada PTM	Menuntut Tarikh Kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957

PERANAN SURUHANJAYA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
-Membincangkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka -Menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka -Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka
Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Trial MRSM)
-Demokrasi Berparlimen mempunyai dua dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara -Mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang kuat -Melindungi Raja-raja Melay sebagai Raja Berpelembagaan -Mencadangkan satu jawatan bagi Ketua Negara iaitu Yang Dipertuan Agong -Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
Langkah Penggubalan / Gerak Kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
1.Meminta cadangan daripada semua penduduk yang berminat secara lisan dan bertulis 2.Mengadap Raja-raja Melayu dan Menteri Besar 3.Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat 4.Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu (118 kali perjumpaan)

INTIPATI PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957	
Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen	<ul style="list-style-type: none"> -Pemilihan seorang raja sebagai Yang Di-Pertuan Agong -Dilantik dalam kalangan Raja Melayu setiap 5 tahun
Kewargenegaraan	<ul style="list-style-type: none"> -Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara -Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara iaitu penguatkuasaan Undang-undang, Pendaftaran dan Naturalisasi
Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan Kepentingan Sah Kaum Lain	<ul style="list-style-type: none"> -Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu -Rakyat keturunan Melayu diberikan beberapa keutamaan -Hal ini kerana mereka rakyat asal Tanah Melayu -Hak kaum lain tetap dipelihara
Kedudukan Agama Islam	<ul style="list-style-type: none"> -Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan -Agama lain boleh diamalkan dengan aman
Kedudukan Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> -Bahasa Melayu diiktiraf sebagai Bahasa kebangsaan -Bahasa Melayu dijadikan Bahasa pengantar dan Bahasa komunikasi

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

TINGKATAN 4

BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

PENGERTIAN / KONSEP KEMERDEKAAN (Trial SBP/ Kelantan)	
<ul style="list-style-type: none">-Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing-Menentukan pemerintahan dan hala tuju negeri sendiri-Menurut Kamus Dewan ialah beabs daripada penjajahan-Negera merdeka bermaksud negara yang berdaulat-Negara yang mempunyai kekuasaan tertinggi-Negara kita merdeka pada 31 Ogos 1957.	
Persediaan / Persiapan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara (Trial Terengganu)	
Jawatankuasa Persediaan Fizikal	Jawatankuasa Sambutan
<ul style="list-style-type: none">-Membentuk jawatankuasa persediaan fizikal-Memberi perhatian menonjolkan identity negara-Menyediakan prasarana fizikal-Pembinaan stadium untuk meraikan kemerdekaan-Pembinaan istana untuk YDPA bersemayan-Penciptaan lagu rasmi kebangsaan-Bendera PTM dijadikan bendera kebangsaan-Penggunaan Jata Negara-Bunga Raya sebagai bunga kebangsaan	<ul style="list-style-type: none">-Membentuk jawatankuasa sambutan-Bangunan disekitar bandar dihiasi dengan lampu-Bendera PTM ditempah daripada Jepun-Menteri disediakan pakaian khas-Menganjurkan kursus protocol-Kakitangan Kerajaan diberikan gaji seminggu awal
Peristiwa Bersejarah Pemasyhuran Kemerdekaan (Trial Terengganu)	
Detik 12.00 tengah malam 30 ogos 1957	Detik 8.15 pagi 31 ogos 1957
<ul style="list-style-type: none">-Sambutan di Padang kelab Selangor-Wakil Parti Perikatan berpakaian Baju Melayu-Seramai 300 orang membentuk barisan hormat-Semua lampu di padang dan sekelilingnya dipadamkan sehingga seluruh kawasan menjadi gelap gelita-Lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi detik 12 tengah malam-Diikuti laungan Merdeka oleh orang ramai-Bendera Union Jack diturunkan-Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan-Soroakan Merdeka sebanyak 7 kali	<ul style="list-style-type: none">-Tunku Abdul Rahman tiba di perkarangan stadium dan disusuli Raja-raja Melayu-Tunku Abdul Rahman membaca Pemasyhuran Kemerdekaan-Dengan tangan di udara Tunku Abdul Rahman melaungkan "Merdeka" sebanyak 7 kali-Disusuli dengan laungan Azan-Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan-Diringi lagu Negaraku-101 das tembakan dilepaska-Menandakan negara bangsa yang berdaulat

KESAN / MANFAAT / KEPENTINGAN KEMERDEKAAN TERHADAP NEGARA KITA (Terdahulu)	
POLITIK	PERINGKAT ANTARABANGSA
Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan -Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara dengan bidang khas tertentu Sistem Demokrasi Berparlimen diamalkan -Rakyat mempunyai kuasa mutlak untuk memilih kerajaan Negara ditadbir oleh rakyat tempatan -Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri	Mengadakan hubungan dengan negara luar -Contohnya dengan India dan Jepun Menganggotai Komanwel -Dapat merapatkan hubungan sosioekonomi antara negara Pertahanan negara dapat diperkukuh -Kerjasama pertahanan dengan negara Britain Negara diterima menjadi Ahli PBB -Menyokong prinsip PBB
EKONOMI	SOSIAL
Melaksanakan RMK Pertama -Tujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara Penubuhan FELDA -Tujuan untuk memajukan tanah baharu secara besar-besaran Pembangunan Luar Bandar -Menyediakan kemudahan asas diluar bandar seperti jalanraya dan klinik Rancangan Buku Merah -Untuk memantau projek kemudahan asas seperti bekalan air	Pembangunan Sosial ditingkatkan -Memperkukuhkan Pendidikan untuk membina sebuah bangsa yang Bersatu Penubuhan Dewan Bahasa Dan Pustaka -Menetapkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan Penubuhan Jabatan Penerangan -Tujuan untuk menyampaikan maklumat tentang peristiwa dalam dan luar negara Membangunkan kemudahan kesihatan -Tujuan untuk kesejahteraan rakyat dan taraf hidup rakyat
PRINSIP KEDUALTAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU	
Wilayah Pengaruh -merujuk kepada Kawasan yang mempunyai sempadan untuk membentuk PTM -Pembentukan PTM terdiri daripada negeri seperti Perlis, Kedah, dan Melaka -Setiap negeri Diketuai oleh Sultan atau Raja, Yang di-Pertuan Besar atau Yang Dipertua Negeri Kerajaan -Kuasa pemerintahan dipegang oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya -Rakyat bertanggungjawab memilih wakil mereka melalui pilihan raya. Kedaulatan Undang-undang -Kerajaan dan rakyat terikat kepada undang-undang - Ianya penting untuk memastikan keamanan negara. Lambang Kebangsaan -Merupakan identiti negara dan jati diri rakyat - Contohnya, Jata Negara, Lagu Kebangsaan dan Bendera Kebangsaan Pengiktirafan rakyat -Membolehkan kita mendapat hak asasi -Rakyat perlu mematuhi perlembagaan	